



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**

**JAS PERHEBAT PEMERIKSAAN PENCEMARAN KENDERAAN
BERMOTOR MELALUI OPS GERAK LEMBAH KLANG**

KUALA LUMPUR, 19 OGOS 2020 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) ingin memaklumkan bahawa Operasi Gerak (Ops Gerak) terus diperhebat melalui Ops Gerak Lembah Klang yang diadakan hari ini. Ops Gerak merupakan salah satu inisiatif JAS yang bertujuan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemeriksaan kenderaan bermotor untuk memastikan kenderaan ini mematuhi standad pelepasan asap dan gas pencemar yang ditetapkan.

Ops ini dilaksanakan di seluruh Malaysia setelah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar Dan Air pada 9 Julai 2020. Ianya susulan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan pergerakan kenderaan merentas negeri semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Ops ini bertujuan untuk memastikan pencemaran daripada kenderaan bermotor dibendung supaya udara kekal bersih selepas tempoh PKPP dan asap kenderaan tidak menyumbang kepada masalah jerebu setempat terutamanya di bandar-bandar besar.

Ops Gerak Lembah Klang hari ini diadakan secara bersepadu melibatkan 110 orang anggota penguatkuasa daripada Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Alam Sekitar Selangor, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan 16 orang kakitangan Lebuhraya Shah-Alam (KESAS). Jabatan ini merakamkan penghargaan kepada semua agensi penguatkuasa dan pihak KESAS yang telah memberikan komitmen penuh dalam memastikan Ops Lembah Klang ini berjalan dengan jayanya.

Bagi tempoh 9 Julai sehingga 18 Ogos 2020, Ops Gerak telah mencatatkan pemeriksaan terhadap 1,829 buah kenderaan dan 53 kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan melepaskan bahan pencemar melebihi standard yang telah ditetapkan.

Tindakan penguatkuasaan diambil di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Ops Gerak Lembah Klang ini dijalankan dengan mematuhi Prosedur Tetap Operasi (SOP), arahan dan langkah-langkah keselamatan atau kesihatan yang dikeluarkan masing-masing oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JAS pada setiap masa. Inisiatif ini adalah penting bagi memastikan usaha Kerajaan ke arah membendung penularan wabak Covid-19 dalam negara berjaya dilaksanakan.

Ops Gerak ini juga akan terus dilaksanakan oleh JAS di seluruh negara. Semua pihak termasuk kenderaan komersial, persendirian, industri dan masyarakat awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa memastikan kenderaan masing-masing diselenggara secara berkala bagi mengelakkan pelepasan asap berlebihan yang boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Pemilik motosikal juga diingatkan untuk tidak mengubahsuai spesifikasi kenderaan tersebut sehingga menyebabkan pencemaran bunyi bising dan kacau ganggu. "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" perlu diamalkan dan dibudayakan dalam kehidupan seharian seluruh lapisan masyarakat.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menjadi mata dan telinga JAS dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

Norlin Binti Jaafar
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Putrajaya

- TAMAT -

LAMPIRAN

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **Butiran Operasi Ops Lembah Klang 19 Ogos 2020**

Bil	Jenis Operasi	Kompaun	Had Pelepasan
1.	Penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996	RM2,000	Tidak melebihi daripada 50 HSU (%)
2.	Penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996	RM300	<p><u>Kenderaan sedia ada (sebelum Januari 1997)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 4.5% Karbon Monoksida • Tidak melebihi 800 ppm bagi Hidrokarbon <p><u>Kenderaan baru (selepas Januari 1997)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 3.5% Karbon Monoksida • Tidak melebihi 600 ppm bagi Hidrokarbon
3.	Penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 – Motosikal	RM300	<p><u>Motosikal sebelum Januari 1997</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 4.5% Karbon Monoksida <p><u>Motosikal selepas Januari 1997</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 3.5% Karbon Monoksida

2. **Frekuensi Operasi:**

Ops Gerak ini diadakan sekurang-kurangnya 1 kali sebulan di setiap negeri di seluruh negara.

3. **Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Bermotor:**

Dilaksanakan melalui dua pendekatan Ops Gerak dan Ops Kenderaan Bermotor.

4. **Butiran Ops Gerak:**

Ops Gerak melibatkan pemeriksaan pelepasan asap dan bahan pencemar daripada kenderaan bermotor (diesel, petrol dan motosikal) di jalan raya.

5. **Bilangan Ops Gerak Seluruh Negara (9 Julai 2020 - 18 Ogos 2020):**

- 26 Operasi;
- 1,829 kenderaan diperiksa; dan
- 170 tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh JAS merangkumi 53 kompaun, 116 arahan uji semula dan 1 tindakan perintah larangan.

6. **Butiran Ops Kenderaan Bermotor:**

Ops Kenderaan Bermotor melibatkan pemeriksaan pelepasan asap dan bahan pencemar melalui:

- i. Kamera video:
Pemerhatian secara visual menggunakan kamera video di lokasi yang dikenalpasti.
- ii. *Fleet Operator*:
Pemeriksaan fasiliti, kelengkapan dan rekod di syarikat pengangkutan barang dan penumpang yang menjalankan penyelenggaraan dan pemeriksaan sendiri kenderaan mereka.

- iii. Kemudahan Yang Dilesenkan (KYDL):
Pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) yang menjalankan perkhidmatan pengujian pelepasan daripada ekzos kenderaan seperti PUSPAKOM.
- iv. Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel);
Penguatkuasaan kenderaan motor yang tidak bergerak di mana-mana perhentian, atau kawasan tertutup dan memastikan pemandu mematikan enjin bagi mengurangkan pelepasan gas pencemar daripada ekzos kenderaan juga dapat mengurangkan pelepasan karbon berlebihan.

7. Bilangan Operasi Kenderaan Bermotor Tahunan (1 Januari 2010 sehingga 18 Ogos 2020) di Seluruh Negara:

- 1,250 Operasi;
- 147,928 kenderaan bermotor telah diperiksa; dan
- 545 tindakan penguatkuasaan telah diambil merangkumi 455 tindakan kompaun, 107 perintah larangan dan 1 kertas siasatan sedang dilengkapkan untuk tindakan perundangan

8. Bilangan Operasi Kenderaan Bermotor Tahunan JAS WPKL bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 18 Ogos 2020:

- 57 operasi;
- 4,875 kenderaan telah diperiksa;
- 150 tindakan kompaun bernilai RM97,700;
- 162 Notis Arahan; dan
- 31 Perintah Larangan telah dikeluarkan.